

Headline **Siswa UUM unggul golf KPT**  
Date **26 May 2011**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Supplement**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **V15**  
Article Size **365 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **16,080**  
PRValue **48,241**



## Siswa UUM unggul golf KPT



PEMENANG bersama jilala yang dimenangi pada Kejohanan Golf Ketua Setiausaha KPT 2011 yang berlangsung di Perangsang Templer Golf Club, Rawang, baru-baru ini.

Oleh Saadiah Ismail  
msuaris@marlin.com.my

UNIVERSITI Utara Malaysia (UUM) berjaya merangkul kategori berpasukan lelaki dan wanita dalam Kejohanan Golf Ketua Setiausaha KPT 2011 yang berlangsung di Perangsang Templer Golf Club, Rawang, baru-baru ini.

Juara bagi kategori berpasukan lelaki diungguli gandingan Muhammad Wafiyuddin Abd Manaf dan Mohd Norhakimi Che Ya, manakala tempat kedua dimenangi oleh pasukan Universiti Teknologi MARA (UiTM) menerusi pasangan Muhamad Shafiq Saiful Anuar dan Mohd Fikri Mohamad.

Tempat ketiga pula dimenangi pasukan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang diwakili oleh Ahmad Farhan Mohd Yasin dan Ahmad Munir Azlan Hanif.

Bagi kategori berpasukan wanita, juara keseluruhan dimiliki oleh pasangan Hillferah Tan dan Nur Dyanah Damian daripada UUM, tempat kedua jatuh kepada pasukan Politeknik yang wakil oleh Nurulshima Abd Aziz dan Jack Hazlyne Zim, manakala tempat ketiga turut dimenangi pasukan UUM melalui kombinasi Marianne Chin Fong Kim dan Nur Dahiyah Damian.

Bagi acara individu lelaki pula, pemain UiTM, Muhamad Shafiq Saiful Anuar menduduki tempat pertama, diikuti Muhammad Wafiyuddin Abd Manaf (UUM) di tempat kedua dan Ahmad Fadali dari UKM di tempat ketiga.

Kategori individu wanita, juara diungguli oleh Hillferah Tan daripada UUM, tempat kedua Nurulshima Abd Aziz dari (Politeknik) sementara Nur Dahiyah Damian (UUM) di tempat ketiga.

Hadiah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Ab Rahim Md Noor.

Tetamu yang turut hadir ialah Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak.